



**"MENSYUKURI NIKMAT USIA".1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثِيَ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾<sup>1</sup></p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ؕ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٢٧﴾</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Khatib ingin mengingatkan dan mengajak muslimin sekalian untuk meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT, dengan erti kata bersungguh-sungguh mengerjakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Ketahuilah wahai saudaraku sekalian, hanya orang yang bertaqwa sahaja yang mendapat kemuliaan di sisi Allah SWT di dunia dan akhirat.</p>	5
<p>Pada hari Jumaat yang penuh dengan keberkatan ini, marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk "<b>MENSYUKURI NIKMAT USIA</b>".</p> <p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p>	6
<p>Setiap manusia akan menempuhi usia tua. Ia merupakan sebahagian yang telah ditentukan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Nahl, ayat 70:</p> <p>وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَتَوَفَّاكُمْ ۚ وَمِنْكُمْ مَّنْ يُرَدُّ إِلَىٰ أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْ لَا يَعْلَمَ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ قَدِيرٌ ﴿٧٠﴾</p>	7

<sup>1</sup> Al-Nahl : 97.



<p><i>"Dan Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada); kemudian ia menyempurnakan tempoh umur kamu; (maka ada di antara kamu yang disegerakan matinya), dan ada pula di antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua kebudak-budakan), sehingga menjadilah ia tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya; Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa."</i></p> <p><b>Hadirin yang dirahmati oleh Allah SWT,</b></p>	8
<p>Sesungguhnya kehidupan di dunia ini amatlah singkat berbanding kehidupan yang abadi di akhirat, maka sudah pasti kita perlu menyusun langkah supaya dapat memanfaatkan setiap saat kehidupan kita dengan melakukan sebanyak-banyaknya amal soleh untuk mencapai keredhaan Allah.</p>	9
<p>Oleh itu, apabila manusia berada di ambang usia emas, seharusnya bukan hanya memikirkan aspek kesihatan, bahkan lebih penting daripada itu adalah memastikan bahawa tujuan kehidupan kita di dunia ini adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangannya telah tercapai.</p>	10
<p>Hal ini bertepatan dengan firman-Nya dalam surah al-Zariyat ayat 51:</p> <p style="text-align: center;"> وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ</p> <p><i>"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku."</i></p> <p><b>Hadirin yang berbahagia</b></p>	11
<p>Berdasarkan kepada kajian Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia pada tahun 2017, jangka hayat penduduk Malaysia didapati semakin meningkat. Usia kaum lelaki meningkat kepada 72.7 tahun, manakala usia kaum wanita meningkat kepada 77.4 tahun. Jika perkara ini berterusan, maka adalah dijangkakan menjelang 2035, kira-kira 15 peratus rakyat Malaysia dijangka terdiri daripada warga tua berusia 60 tahun ke atas. Peningkatan jangka hayat ini dikaitkan dengan kemudahan kesihatan yang semakin baik di samping timbulnya kesedaran untuk mengamalkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat. Walaubagaimanapun, ajal yang datang tidak mengenal usia.</p>	12



<p>Hal ini dirakamkan dalam firman Allah SWT dalam surah Yunus ayat 49:</p> <p style="text-align: center;">... إِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ فَلَا يَسْتَعْجِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٤٩﴾</p> <p>“...maka apabila datang tempohnya, tidaklah dapat mereka melambatkannya sesaatpun, dan tidak pula dapat mereka menyegerakannya.”</p>	13
<p>Menerusi firman Allah sebentar tadi, umat Islam perlu sedar bahawa setiap ajal yang datang tidak boleh dipercepatkan atau diperlambatkan walau dengan hanya satu saat. Oleh itu, umat manusia perlu sentiasa bersedia akan bekalan yang bakal dibawa ke alam akhirat yang menjadi destinasi semua umat. Para remaja harus menyedari bahawa tua bukannya syarat untuk mati, malah kita sering dikejutkan dengan berita-berita kematian yang menimpa golongan belia. Sedangkan diusia yang muda pun Allah boleh mematikan seseorang manusia, apatah lagi bagi yang sudah bergelar warga emas atau orang tua. Maka sudah semestinya kita perlu mempersiapkan segala kelengkapan agar kita kembali kepada Allah dalam keadaan kita bersedia dan Allah redha keatas kita.</p> <p><b>Muslimin yang dirahmati oleh Allah SWT,</b></p>	14
<p>Kita sedia maklum bahawasanya tahap kesihatan bagi orang tua akan merosot dan kurangnya kekuatan untuk melakukan sesuatu perkara. Maka anak-anaklah yang sepatutnya membantu dengan sedaya upaya ibu bapa mereka sebagai membalas budi baik kedua-dua orang tua yang telah berjaya membesarkan mereka sehingga mampu menikmati kehidupan di dunia ini. Seorang muslim yang baik mestilah mensyukuri segala kurniaan nikmat dan rahmat Allah SWT dengan tidak bersikap sombong dan bongkak. Malah kita haruslah merebut segala nikmat tersebut dengan melaksanakan segala amalan kebaikan dan sedekah jariyah,</p>	15
<p>selari dengan sabda Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas Radhiallahu Anhuma:</p> <p style="text-align: center;">إِغْتِنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ : شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ وَعِنَاكَ قَبْلَ فُقْرِكَ وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ</p>	16
<p>“Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara. Pertama, masa muda kamu sebelum datang masa tua. Kedua, masa sihat kamu sebelum sakit. Ketiga, masa kaya sebelum datangnya masa sempit (miskin). Keempat, masa lapang sebelum tiba masa sibuk, dan kelima, masa hidup sebelum tiba masa mati.” (Riwayat al-Hakim).</p> <p><b>Muslimin yang berbahagia,</b></p>	17



<p>Sebagai kesimpulan khutbah jumaat pada kali ini, mimbar ingin mengajak Jemaah sekalian untuk bersama-sama mengambil beberapa pengajaran daripada intipati khutbah yang disampaikan sebentar tadi.</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam haruslah bersyukur atas nikmat umur yang panjang supaya kita boleh meningkatkan amalan soleh seharian kita.</li><li>2. Umat Islam perlulah sedar bahawa tanggungjawab yang dipikul harus dilaksanakan dengan baik kerana tanggungjawab itulah yang akan dihisab dihadapan Allah SWT.</li><li>3. Umat Islam hendaklah berlumba-lumba dalam melakukan amalan soleh sebelum roh ditarik keluar dari jasad.</li></ol>	18
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَمَنْ يَعْمَلْ مِنْ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا</p>	19
<p>“Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikitpun.” (al-Nisa : 124).</p>	20
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	21
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	22



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	23
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	24
<p><b>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b> Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar...</p>	25
<p>menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam....</p>	26
<p>.... Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya:</p>	27
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	28
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	29
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	30



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ،</p>	31
<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُولِّيَ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ إِنْبِالِ سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	32
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْتِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	33
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.</p>	34
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat,</p>	35
<p>lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.</p>	36
<p>Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	37



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالِدَيْنَا وَعَنْ جَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ</p>	38
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ</p>	39
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	40
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	41